

Headline	TNB sedia 145 set jana kuasa		
MediaTitle	Kosmo		
Date	06 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	18
ArticleSize	68 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,314		




## TNB sedia 145 set jana kuasa

**KUALA LUMPUR** – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menyediakan 145 set jana kuasa di beberapa lokasi strategik di negeri-negeri yang dilanda banjir di Pantai Timur.

Pengurus Besar Kanan (Rangkaian Pengedaran) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, sebanyak 10 set jana kuasa ditempatkan di beberapa kawasan di Kelantan dan masing-masing dua dan satu di Terengganu dan Pahang.

Katanya, TNB juga menyediakan 132 jana kuasa mudah alih iaitu 60 di Kelantan, Terengganu (22) dan Pahang (50).

"Jana kuasa tersebut berada dalam situasi siap siaga untuk digunakan terutama di premis penting atau strategik seperti hospital dan pusat pemindahan mangsa banjir sebaik diperlukan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk menghubungi talian TNB CareLine 15454 bagi mendapatkan maklumat lanjut.